

U B241 AAB
MAHATHIR - YUGOSLAVIA

I

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI MENJEMPUT PARA USAHAWAN YUGOSLAVIA MENGADAKAN LEBIH BANYAK KUNJUNGAN PROMOSI DI NEGARA INI SEKIRANYA BERHARAP UNTUK MENAMBAH EKSPORT MEREKA KE NEGARA INI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU PRESIDEN YUGOSLAVIA, BORISAV JOVIC BAHAWA HANYA DENGAN MENINGKATKAN EKSPORT MEREKA BARULAH KETIDAKSEIMBANGAN DALAM IMBANGAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, YANG KINI MENGUNTUNGGAN MALAYSIA, DAPAT DIKURANGKAN.

KETIKA MEMBERI TAKLIMAT KEPADA PEMBERITA MENGENAI PERBINCANGAN DUA JAM ANTARA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU, TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN LUAR, DATUK ABDUL MAJID MOHAMED BERKATA, MALAYSIA MAHU MENAMBAH IMPORTNYA DARI YUGOSLAVIA UNTUK MENGIMBANGI LEBIHAN DAGANGAN ITU WALAUPUN IA TIDAK SEBESAR LEBIHAN DAGANGAN ANTARA MALAYSIA DAN INDIA.

ENCIK JOVIC, YANG DALAM RANGKA LAWATAN SELAMA TIGA HARI KE NEGARA INI MENGETUAI SEROMBONGAN TUJUH ORANG PEGAWAI DARI NEGARA ITU TERMASUK DUTANYA KE MALAYSIA, DR ZORAN JASIC DALAM PERTEMUAN DI JABATAN PERDANA MENTERI.

DATUK ABDUL MAJID BERKATA, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU ENCIK JOVIC BAHAWA PARA PENGELUAR YUGOSLAVIA TELAH MENYERTAI BEBERAPA PAMERAN DI MALAYSIA TETAPI GAGAL MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN. -- LAGI.

1701MST 05 06 90

U B244 AAB
MAHATHIR - YUGOSLAVIA 2 KUALA LUMPUR

I

BELIAU BERKATA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENCADANGKAN AGAR PARA PELABUR DAN USAHAWAN YUGOSLAVIA MELANTIK EJEN-EJEN UNTUK MEMPERKENALKAN BARANGAN KELUARAN MEREKA DI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, ADALAH LEBIH MUDAH BAGI RAKYAT MALAYSIA BERDAGANG DENGAN RAKYAT YUGOSLAVIA MEMANDANGKAN DASAR EKONOMI TERBUKANYA DAN UNDANG-UNDANGNYA YANG LIBERAL BERSABIT SOAL EKONOMI.

KETIKA PERBINCANGAN, DATUK ABDUL MAJID BERKATA, PERDANA MENTERI MENEKANKAN TENTANG SETIAP BIDANG UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI DAN KERJASAMA MANAKALA PRESIDEN JOVIC PULA MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI KEADAAN EKONOMI NEGARA ITU YANG SEMAKIN BERTAMBAH BAIK.

KATANYA, ENCIK JOVIC MELAPORKAN BAHAWA KADAR INFLASI DI YUGOSLAVIA TELAH DAPAT DIKURANGKAN KEPADA HAMPIR KOSONG BULAN INI MANAKALA EKSPORTNYA MENINGKAT 30 PERATUS DAN MEREKA JUGA TELAH MEMPERBAIKI IMBANGAN PEMBAYARAN DAN SIMPANAN LUAR.

DATUK ABDUL MAJID BERKATA, BERIKUTAN PERBINCANGAN ITU KEDUA-DUA NEGARA TELAH BERSETUJU MENGADAKAN PROJEK USAHASAMA DALAM PENGELUARAN KRISTAL KACA SERTA KEMUNGKINAN MENGELUARKAN PERABOT DARIPADA ROTAN DI LANGKAWI UNTUK EKSPORT. -- LAGI.

1724MST 05 06 90

0053

U B251 AAB
MAHATHIR - YUGOSLAVIA 3 KUALA LUMPUR

I

YUGOSLAVIA AKAN MENYEDIAKAN PAKAR-PAKAR, TEKNOLOGI DAN PASARAN. SETAKAT INI, YUGOSLAVIA TELAH MENGADAKAN BEBERAPA PROJEK USAHASAMA DI NEGARA INI TERMASUK PEMBINAAN STADIUM SHAH ALAM DAN LEBUH RAYA AIR KEROH.

KERAJAAN YUGOSLAVIA JUGA TELAH MENAWARKAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN KEMUNGKINAN KE ATS SISTEM SALURAN NAJIS DI KUAH, LANGKAWI, KATA DATUK ABDUL MAJID.

MENGENAI PELANCONGAN, DATUK ABDUL MAJID BERKATA, KEDUA-DUA NEGARA BERSETUJU UNTUK SAMA-SAMA MEMAJUKAN INDUSTRI ITU BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, HANYA SEGELINTIR RAKYAT MALAYSIA YANG MELAWAT YUGOSLAVIA MEMANDANGKAN KURANGNYA USAHA-USAHA PROMOSI.

BELIAU BERKATA BAHAWA DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU ROMBONGAN YUGOSLAVIA ITU BAHAWA DALAM ASPEK INI, TABUNG HAJI TELAH MENCADANGKAN UNTUK MEMASUKKAN BANDAR-BANDAR ZAGREB DAN SARAJEVO SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PAKEJ UMRAH MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN MENGAJI CADANGAN YUGOSLAVIA BAGI DIADAKAN PERJANJIAN UNTUK MENGHAPUSKAN VISA UNTUK MELAWAT KEDUA-DUA NEGARA.

TERDAHULU DARIPADA ITU ENCIK JOVIC MELAWAT TUGU NEGARA DAN MELETAKKAN KALUNGAN BUNGA. PRESIDEN JOVIC DIJADUALKAN BERLEPAS PULANG PETANG ESOK. -- BERNAMA.

1746MST 05 06 90